



SOALAN LAZIM AKAUN EMAS YaPEIM (SERY)

PENGENALAN DiYA	
1.	Apakah DiYA?
	<p>Sebuah aplikasi mudah alih hak milik Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM). Aplikasi DiYA ini disediakan untuk pelanggan YaPEIM mengakses semua produk dan servis yang ditawarkan oleh YaPEIM dan anak syarikat milik penuh YaPEIM. Pelanggan perlu mendaftar sebagai Ahli Koperasi YaPEIM Berhad untuk membolehkan capaian akses kepada semua servis yang disediakan.</p>
2.	Produk Dan Perkhidmatan Di Dalam Aplikasi DiYA?
	<ol style="list-style-type: none">1. Akaun Emas YaPEIM (SERY)<ul style="list-style-type: none">• Membeli & menjual emas secara atas talian atau melalui kaunter ArRahnu YaPEIM.• Mendapat komisyen apabila memperkenalkan SERY kepada pelanggan lain dan mereka membuat pembelian emas didalam SERY.2. ArRahnu YaPEIM Online<ul style="list-style-type: none">• Satu pautan ke laman pembayaran balik ArRahnu YaPEIM secara atas talian• Pelanggan dapat membuat pembayaran pinjaman dan caj upah simpan3. YaPEIM Gold Digital Store<ul style="list-style-type: none">• Akses kepada produk terkini keluaran YaPEIM dalam bentuk minted Wafer dan Syiling• Pelanggan boleh membuat pembelian di atas talian dan pesanan akan dihantar terus ke pintu rumah dan dilindungi oleh insurans.4. Promosi-promosi Produk YaPEIM<ul style="list-style-type: none">• Produk-produk dan sevis yang lain akan ditambah dari masa ke semasa,
3.	Kenapa perlu memilih Aplikasi DiYA?
	<p>Latar belakang YaPEIM merupakan sebuah Institusi Ekonomi Islam Malaysia yang menitikberatkan perniagaan yang telus dan mengikut prinsip syariah. Kriteria ini adalah sangat penting terhadap pemilihan produk berdasarkan muamalat Islam.</p>
4.	Apakah Faedah kepada pelanggan yang memiliki DiYA?
	<ul style="list-style-type: none">• Pendaftaran yang mudah.• Membolehkan pelanggan mengakses kepada semua produk YaPEIM yang ditawarkan melalui aplikasi ini.



	<ul style="list-style-type: none">• Boleh berurusniaga secara mudah pada bila-bila masa dan dimana-mana sahaja secara atas talian dalam tempoh 24 jam sehari dan 7 hari seminggu.
5.	Siapakah yang layak untuk mendaftar untuk Aplikasi DiYA?
<p><u>Individu:</u></p> <ul style="list-style-type: none">a) Menjadi Ahli Skim di bawah Koperasi YaPEIM Berhad.b) Mempunyai kad pengenalan.c) Mempunyai emas dan/atau wang.d) Berumur tidak kurang dari 18 tahun mengikut tarikh kelahiran.	
PRODUK DAN PERKHIDMATAN	
1.	Apakah Akaun SERY?
	Akaun SERY adalah Akaun Emas YaPEIM yang membolehkan pelanggan menjual, membeli dan menyimpan emas pada harga harian SERY dalam Ringgit Malaysia (RM) secara mudah dan selamat.
2.	Apakah faedah Akaun SERY kepada Pelanggan?
	Antara faedah yang diperolehi oleh Pelanggan adalah: <ul style="list-style-type: none">• Kemudahan membeli dan menjual emas di mana-mana cawangan Ar Rahnu YaPEIM seluruh Malaysia dan juga melalui website/aplikasi mudah alih melalui muat turun dalam telefon (Apple, Android, Huawei).• Simpanan lebih selamat.• Harga emas yang murah kerana menggunakan harga emas antarabangsa.• Minimum pembelian yang kecil iaitu RM5.• Peluang keuntungan dengan kenaikan harga emas.• Emas merupakan medium simpanan dan pelaburan yang kukuh di masa hadapan.• Mendapat nasihat bagi pengurusan kewangan melalui pelaburan emas.• Kemudahan bayaran zakat emas. (*Tertakluk kepada cawangan)• Kemudahan pembahagian faraid.
3.	Bagaimana kaedah pembukaan akaun SERY?
	Pelanggan mempunyai dua (2) kaedah iaitu melalui: <ul style="list-style-type: none">a) Emas; ataub) Tunai
4.	Bagaimana pembukaan Akaun SERY dengan emas fizikal?



	Emas fizikal yang dibawa oleh pelanggan akan ditukar ke Akaun SERY melalui penjualan emas fizikal pelanggan kepada Ar Rahnu YaPEIM. Tunai tersebut digunakan untuk membuka Akaun SERY.
5.	Bolehkah pelanggan menjual emas fizikal di cawangan ARY yang lain?
	Boleh dibuat di mana-mana cawangan ARY yang lain, tetapi sekiranya pelanggan ingin mendapatkan semula emas fizikal tersebut, pelanggan hendaklah mengambilnya di tempat di mana emas fizikal tersebut dijual. Pelanggan hendaklah membuat pilihan cawangan yang mudah di akses.
6.	Berapakah had minimum permulaan untuk membuka Akaun SERY?
	a) Emas: Tiada had minimum. b) Tunai: Secara atas talian adalah sebanyak RM5.00;
7.	Bolehkah pelanggan mengeluarkan emas dalam bentuk asal sepetimana emas yang dijual kepada ARY?
	Boleh. Dalam tempoh 24 bulan.
8.	Bolehkah pelanggan mengeluarkan simpanan emas dalam akaun SERY kepada emas fizikal?
	Ya, boleh.
9.	Apakah caj perkhidmatan yang dikenakan?
	Yuran penukaran. Pelanggan boleh menukar simpanan emas di dalam Akaun SERY kepada emas fizikal pada harga premium RM 150 bagi setiap 10gram tidak termasuk kos insurans dan penghantaran. Jika pelanggan ingin mengeluarkan emas dalam bentuk asal, pelanggan hendaklah membayar berat bagi mencukupkan berat asal emas.
10.	Berapa jangka masa penghantaran barang emas kepada pelanggan?
	Dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.
11.	Apakah ketulenan emas bagi Akaun SERY?
	99.9% dan 91.6%
12.	Apakah syarat penjualan emas di dalam simpanan Akaun SERY?
	a) Tunai: Tiada had minimum b) Emas Fizikal: Minimum pengeluaran fizikal adalah sebanyak 10 gram emas.
13.	Bagaimanakah penentuan harga jual dan harga beli SERY?
	Harga SERY adalah merujuk kepada Harga Emas Antarabangsa dan dikemaskini dua (2) kali sehari (8.00pagi dan 8.00malam).



14.	Bagaimanakah pelanggan ingin membuat semakan simpanan emas dalam Akaun SERY?
	Pelanggan boleh melayari laman web https://DiYA.yapeim.my di komputer atau muat turun aplikasi DiYA (Digital YaPEIM) di Play Store (Android), App Store (iOS) atau Huawei AppGallery di telefon mudah alih.
15.	Berapa lama tempoh untuk mendapatkan tunai sekiranya pelanggan menjual emas dalam Akaun SERY?
	Tunai akan dikreditkan di dalam Akaun Simpanan Khas (ASK) pelanggan dengan serta-merta walaubagaimanapun proses untuk mengeluarkan tunai dari Akaun Simpanan Khas (ASK) ke akaun bank pelanggan mengambil masa sekurang-kurangnya satu (1) hari.
16.	Berapakah maksimum pengeluaran tunai (jualan emas) dari Akaun SERY melalui aplikasi DiYA?
	Maksimum pengeluaran tunai bagi satu (1) transaksi adalah sebanyak RM25,000 dan maksimum pengeluaran tunai bagi satu (1) hari adalah sebanyak RM50,000.
17.	Bolehkah jika pelanggan ingin mengeluarkan tunai lebih dari had maksimum?
	Boleh. Beberapa syarat dan prosedur akan dikenakan. Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada pegawai/staf di cawangan terdekat.
18.	Bagaimanakah cara membuat pengeluaran emas fizikal?
	Pengeluaran emas fizikal produk YaPEIM Gold boleh dibuat di aplikasi SERY dengan membuat tempahan produk tersebut. Penghantaran barang akan dibuat dalam tempoh 3 hari bekerja daripada tarikh bayaran dibuat.
19.	Apakah yang pelanggan perlu melakukan sekiranya transaksi jual beli yang dilakukan tidak Berjaya tetapi wang telah ditolak di dalam Akaun bank pelanggan?
	Pelanggan perlu menghubungi DiYA di alamat emel di yapeim@digitalyapeim.com dengan menghantar dokumen sokongan seperti resit transaksi dalam tempoh 90 hari bermula dari hari transaksi tidak berjaya. Jika pelanggan gagal berbuat demikian, pelanggan akan dianggap telah menerima ketepatan transaksi mereka. Wang yang tidak dituntut selepas 90 hari akan disalurkan ke Tabung Amanah YaPEIM seperti yang telah dipersetujui oleh pelanggan didalam Akad dan Wakalah.
20.	Berapa lamakah masa yang diambil untuk proses bayaran balik tuntutan pelanggan?
	14 hari bekerja.
21.	Apakah risiko kepada produk ini?
	Harga emas.



22.	Bilakah masa yang sesuai untuk membeli emas?
	Ketika harga emas rendah.
23.	Adakah penjualan sebahagian dibenarkan?
	Ya.
24.	Bolehkah pelanggan menempah samada harga belian atau jualan emas?
	Tidak.
25.	Bolehkah sekiranya pelanggan ingin menutup Akaun SERY miliknya?
	Boleh. Pelanggan perlu menghubungi cawangan terdekat bagi proses penutupan akaun.
JAMINAN PERKHIDMATAN	
1.	Apakah jaminan pihak Koperasi YaPEIM Berhad (KYB) terhadap barang emas dalam Akaun Pelanggan yang disimpan oleh pihak KYB?
	Sekiranya barang emas hilang atau dicuri atau musnah dan sebagainya yang menyebabkan Pelanggan menanggung kerugian di atas kecuaian atau kesalahan KYB, pihak KYB akan membayar pampasan nilai barang emas sewaktu ia ditafsirkan
HUBUNGI KAMI	
1.	Dimanakah pelanggan boleh mendapatkan maklumat lanjut berkenaan Produk?
	Sila rujuk risalah pendedahan maklumat produk, atau sila hubungi kami di: Koperasi YaPEIM Berhad Bangunan Pusat Teknologi Dan Inovasi Antarabangsa YaPEIM, No. 58 & 60, Jalan Kampung Attap, 50460 Kuala Lumpur. Tel: 03 2272 3597 Hotline: 1300 88 1230 Email: arrahnu@yapeim.my Laman sesawang: https://www.arrahnuyapeim.net/ Waktu Operasi: Isnin-Jumaat (8.30 pagi - 5.30 petang) Sabtu, Ahad & Cuti Umum (Tutup) Atau lawati mana-mana cawangan Ar Rahnu YaPEIM di seluruh negara.

Maklumat yang diberikan dalam Soalan Lazim Akaun Emas YaPEIM (SERY) ini dikeluarkan pada 17 Ogos 2021 dan akan sah sehingga semakan berkala seterusnya.